

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 4 (1)

17 Disember 2024
15 Jamadilakhir 1446

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 49/2024

PEMAKAIAN GARIS PANDUAN PERTUKARAN STAF UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 16 Tahun 2024 bertarikh 11 September 2024 telah meluluskan Garis Panduan Pertukaran Staf Universiti Teknologi Malaysia. Pertukaran atau pusingan kerja merupakan salah satu fungsi utama dalam pengurusan sumber manusia untuk mencapai matlamat dan kehendak organisasi secara berterusan. Pertukaran dapat membantu memperkayakan tugas (*job enrichment*) dan memperluaskan tugas (*job enlargement*) serta membentuk staf yang mempunyai kemahiran yang pelbagai (*multi-skill*).

2. Garis panduan ini memberi penjelasan mengenai peraturan, pelaksanaan dan prosedur pertukaran staf Universiti Teknologi Malaysia. Garis panduan ini hendaklah dijadikan rujukan kepada Ketua PTJ dalam merancang dan menguruskan pertukaran staf. Garis panduan ini terpakai kepada semua staf lantikan tetap dan kontrak Universiti tetapi tidak terpakai dalam konteks penempatan seseorang staf yang baharu dilantik, memangku, dinaikkan pangkat, ditukar sementara atau dipinjamkan.

3. Semua staf dan Ketua PTJ diminta mengambil maklum berhubung pemakaian Garis Panduan Pertukaran Staf Universiti Teknologi Malaysia. Garis Panduan ini berkuat kuasa pada **11 September 2024**.

4. Garis Panduan Pertukaran Staf Universiti Teknologi Malaysia boleh dimuat turun melalui Laman Sesawang Bahagian Sumber Manusia di pautan, <https://registrar.utm.my/bsm>

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah, UTM Kampus Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

HR/srmy/Governan2024